



30 November 2017
30 November 2017
P.U. (A) 369

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN BANTUAN GUAMAN 2017

LEGAL AID REGULATIONS 2017

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN GUAMAN 1971

PERATURAN-PERATURAN BANTUAN GUAMAN 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 32 Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman 2017.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Disember 2017.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “perakuan” ertinya perakuan bantuan guaman yang dikeluarkan kepada pemohon di bawah Bahagian IV Akta.

Permohonan untuk perakuan bantuan guaman dalam tindakan sivil atau kes jenayah

3. (1) Mana-mana orang yang berkehendakkan bantuan guaman dalam tindakan sivil atau kes jenayah boleh memohon suatu bantuan guaman dalam Borang I Jadual Pertama.

(2) Bagi maksud tindakan sivil, pemohon hendaklah terlebih dahulu memenuhi kriteria dan ujian kemampuan menurut Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Kriteria dan Ujian Kemampuan) 2017 [P.U. (A) 370/2017].

(3) Tiap-tiap permohonan untuk bantuan guaman hendaklah mengandungi apa-apa maklumat dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen yang perlu bagi membolehkan Ketua Pengarah Bantuan Guaman untuk menentukan—

- (a) jenis prosiding berhubung dengan bantuan guaman yang dipohon dan hal keadaan yang bantuan guaman dikehendaki; dan
- (b) persoalan sama ada munasabah suatu perakuan harus diberikan.

Permohonan bagi pihak budak

4. (1) Permohonan untuk bantuan guaman bagi seseorang budak dalam tindakan sivil atau kes jenayah hendaklah dibuat oleh seseorang yang cukup umur dan keupayaan bagi pihak budak itu dalam Borang IA Jadual Pertama, dan jika permohonan itu berkaitan dengan prosiding yang kaedah mahkamah menghendaknya untuk dimulakan atau dibela oleh wakil atau penjaga *ad litem*, pemohon itu mestilah wakil atau penjaga *ad litem*.
- (2) Bagi maksud tindakan sivil, pemohon hendaklah terlebih dahulu memenuhi kriteria dan ujian kemampuan menurut Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Kriteria dan Ujian Kemampuan) 2017.
- (3) Tiap-tiap permohonan untuk bantuan guaman untuk seseorang budak hendaklah mengandungi apa-apa maklumat dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen yang perlu bagi membolehkan Ketua Pengarah Bantuan Guaman untuk menentukan—
- (a) jenis prosiding berhubung dengan bantuan guaman yang dipohon dan hal keadaan yang bantuan guaman dikehendaki; dan
 - (b) persoalan sama ada munasabah suatu perakuan harus diberikan.
- (4) Ketua Pengarah Bantuan Guaman tidak boleh mengeluarkan perakuan yang dipohon oleh seseorang bagi pihak budak melainkan jika seseorang itu telah menandatangi suatu aku janji untuk membayar kepada Ketua Pengarah Bantuan Guaman (jika diminta berbuat demikian) apa-apa jumlah wang yang, menurut Akta atau Peraturan-Peraturan ini, Ketua Pengarah Bantuan Guaman boleh menghendaki orang yang dibantu

yang cukup umur dan keupayaan untuk membayar apabila perakuan itu dikeluarkan atau semasa perakuan itu berkuat kuasa atau apabila perakuan itu dibatalkan.

(5) Apa-apa perakuan yang dikeluarkan di bawah peraturan ini hendaklah atas nama budak itu dan hendaklah juga menyatakan nama orang yang memohon perakuan itu bagi pihak budak itu.

(6) Dalam apa-apa perkara yang berhubungan dengan pengeluaran, pindaan atau pembatalan suatu perakuan yang dikeluarkan di bawah peraturan ini, dan apa-apa perkara lain yang berbangkit seperti antara orang yang dibantu dengan Ketua Pengarah Bantuan Guaman, orang yang memohon perakuan bagi pihak budak itu hendaklah dianggap bagi segala maksud, termasuklah penerimaan dokumen, sebagai ejen budak itu.

Pengeluaran perakuan

5. (1) Pengeluaran suatu perakuan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah dibuat dalam Borang II Jadual Pertama setelah penentuan kelayakan pemohon untuk mendapatkan khidmat bantuan guaman dalam tindakan sivil dipertimbangkan mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan Bantuan Guaman (Kriteria dan Ujian Kemampuan) 2017.

(2) Bagi khidmat bantuan guaman selain tindakan sivil, pengeluaran perakuan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah dibuat dalam Borang II Jadual Pertama.

(3) Suatu perakuan kemudiannya boleh dikeluarkan berkenaan dengan prosiding dalam mahkamah mula-mula atau prosiding dalam mahkamah rayuan.

(4) Kecuali rayuan interlokutori, tiada perakuan boleh berkaitan dengan kedua-dua prosiding dalam mahkamah mula-mula dan dalam mahkamah rayuan.

(5) Suatu perakuan tidak boleh berkaitan dengan lebih daripada satu tindakan, kausa atau perkara, tetapi boleh termasuk prosiding untuk menguatkuasakan apa-apa perintah atau persetujuan seperti yang disebut dalam subperaturan 13(4).

(6) Suatu perakuan boleh dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman berkenaan dengan prosiding yang berikut:

- (a) prosiding (selain prosiding interlokutori) dalam mahkamah rayuan dalam apa-apa tindakan, kausa atau perkara, yang pemohon ialah orang yang dibantu dalam mahkamah bawah; atau
- (b) prosiding dengan cara perbicaraan baharu yang diperintahkan oleh mahkamah rayuan yang dihadapannya pemohon ialah orang yang dibantu.

(7) Bagi maksud subperaturan (3), amaun sumbangan boleh dikenakan berdasarkan sumber kewangan pemohon semasa prosiding mahkamah mula-mula.

(8) Walau apa pun subperaturan (3), jika, selepas penentuan terakhir oleh Ketua Pengarah Bantuan Guaman, disebabkan perubahan hal keadaan sumber kewangan pemohon, Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah menentukan semula sumber kewangan pemohon untuk menentukan kelayakannya untuk mendapatkan bantuan guaman dan amaun sumbangan yang kena dibayar.

(9) Menjadi kewajipan orang yang dibantu untuk memberitahu Ketua Pengarah Bantuan Guaman jika sumber kewangan pemohon semasa menjadi orang yang dibantu telah berubah dalam—

- (a) mahkamah mula-mula; atau
- (b) mahkamah rayuan.

(10) Setelah permohonan untuk perakuan diluluskan, Ketua Pengarah Bantuan Guaman hendaklah memaklumkan pemohon berkenaan dengan perkara-perkara yang berhubungan dengan kelulusan itu.